

24/04/2002

Langkah proaktif SPR kemas kini daftar pemilih

ARAHAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jun tahun lalu supaya sistem pengurusan pilihan raya termasuk kaedah pendaftaran pemilih dikaji semula, sudah mula menampakkan kesannya. Atas nama menegakkan keadilan dan menyuburkan amalan demokrasi, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), badan bebas yang bertang-gungjawab mengendalikan segala urusan berhubung hak pemilih, menggerakkan jenteranya untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Disebabkan sudah banyak kes dibawa ke mahkamah berikutan tindakan pihak yang tidak berpuas hati dengan pengurusan sesuatu pilihan raya, maka peraturan, syarat dan urusan pentadbiran yang masih longgar, diperketatkan. Sebarang pengurusan pilihan raya sama ada sewaktu proses penyemakan dan pendaftaran pemilih atau pengundian, seharusnya dilakukan menerusi pendekatan 'mesra-pemilih'.

Aduan yang pernah dibawa ke mahkamah menunjukkan rakyat yang menyedari tanggungjawab mereka kepada negara, tidak mahu berdiam diri jika ada amalan yang boleh menjejaskan sistem demokrasi di negara ini. Dengan membawa kes mereka ke mahkamah sama ada oleh penyokong parti kerajaan atau pembangkang, dengan sendirinya menampakkan kelemahan sistem sedia ada. Walaupun bukan kerja mudah untuk menyelesaikan masalah lapok dalam SPR, sesuatu yang positif perlu dilakukan mulai sekarang. Mahkamah pernah mengisytiharkan daftar pemilih yang digunakan dalam sesuatu pilihan raya sebagai haram kerana ada nama pengundi yang tidak wujud di dalamnya. Keadaan ini berlaku kerana daftar pemilih tidak dikemaskinikan sewajarnya. Kejadian yang mana kira-kira 600,000 pemilih dikatakan tidak dapat mengundi dalam pilihan raya umum lalu kerana daftar pemilih tidak sempat disahkan, menunjukkan sistem pengurusan yang tidak cekap perlu diperbaiki. Tiada sebab proses pengesahan perlu dilewatkan hanya kerana faktor birokrasi yang tidak sesuai lagi dalam konteks hari ini.

Atas dasar ini, usaha SPR melaksanakan proses pembersihan daftar pemilih setiap hari, apabila Sistem Pendaftaran Pemilih Sepanjang Tahun (SPPST) mula dilaksanakan 1 Julai ini, dianggap sebagai langkah proaktif demi menegakkan keadilan kepada rakyat serta mewujudkan satu sistem pengundian yang bersih lagi cekap. Dengan penggunaan teknologi terkini, tidak sepatutnya lagi timbul dakwaan pengundi hantu. Mereka yang tidak layak mengundi atau cuba untuk menipu sepatutnya boleh dikesan serta-merta. Dengan kerjasama beberapa agensi lain seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pula, setiap rakyat Malaysia berusia 21 tahun boleh mendaftar sebagai pemilih pada bila-bila masa tanpa perlu menunggu masa tertentu yang ditetapkan seperti sekarang. Menerusi pendaftaran pemilih setiap hari, ia akan lebih melicinkan pentadbiran.

Dengan penyemakan senarai pemilih boleh dilakukan setiap hari, rekod nama mereka yang sudah tidak layak menjadi pengundi sama ada meninggal dunia, hilang kelayakan, nama berganda dan status kerakyatan diragui, boleh dihapuskan daripada senarai induk tanpa menunggu sesuatu masa tertentu. Nama pemilih yang tidak sah ini tidak boleh dibiarkan lagi dalam senarai kerana bimbang ada pihak lain yang menggunakannya untuk muslihat politik.

Paling penting ialah sambutan di kalangan pemilih sendiri. Dengan proses kemaskini dan pendaftaran dibuat setiap hari, mereka yang layak kini dipermudahkan untuk berdaftar dan yang sudah berdaftar mudah pula untuk menyemak butirannya yang terkini. Jika menyedari proses pilihan raya penting, tidak seorang pun seharusnya melepaskan peluang untuk menjadi

pemilih yang sah. Pendaftaran hendaklah dibuat dengan cara yang sah mengikut saluran yang ditetapkan. Ubahlah sikap berdaftar pada saat-saat akhir kerana ia hanya akan menyusahkan diri sendiri dan boleh menyebabkan nama mereka terdicir daripada daftar dan dengan itu akan terlepas peluang mengambil bahagian sebagai pemilih.

(END)